

# 31 pelajar antarabangsa sertai program IEPP UMS

Oleh SADDAM EDRIS

UB 7-4-2017 B7

**KOTAKINABALU:** Seramai 31 pelajar antarabangsa berdaftar mengikuti Program Persediaan Intensif Bahasa Inggeris (IEPP) di Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang bermula kelmarin.

Ketua Pegawai Eksekutif UMS Investment Holdings Sdn Bhd Ramlan Awang Ali berkata kesemua pelajar merangkumi pelajar China seramai 29 orang, manakala selebihnya dari Korea dan Timur Leste.

"Tawaran program ini dibuka kepada pelajar antarabangsa yang tidak mempunyai pengetahuan asas dalam subjek Bahasa Inggeris yang menjadi syarat kemasukan mengikuti kursus di peringkat sarjana muda dan

sarjana UMS.

"Malah, Pusat Pembangunan Profesional UMS (UCPD) sememangnya menyediakan pensyarah dan

kakitangan yang terlatih dan berpengalaman dalam membantu para pelajar agar cemerlang dalam program IEPP," katanya pada majlis

menyambut pelajar program IEPP Kumpulan Ke-30, di sini, kelmarin.

Ramlan berkata penekanan kepentingan bahasa Inggeris

sebagai bahasa pertuturan adalah bertepatan memandangkan bidang perniagaan dan pelbagai industri kini di seluruh dunia memerlukan kemahiran itu.

Bahkan katanya, pasaran peluang pekerjaan juga memerlukan graduan yang berupaya berkomunikasi menggunakan bahasa Inggeris selain bijak mengendalikan tekanan bekerja secara berkumpulan dan menyiapkan kerja mengikut masa yang ditetapkan.

Justeru, beliau berharap agar pelajar IEPP akan dapat menyesuaikan diri dengan kehidupan di UMS termasuklah budaya yang pelbagai di negeri ini dengan belajar berdikar dan berfikiran

terbuka.

Sementara itu, Naib Canselor UMS Profesor Datuk Dr Mohd Harun Abdullah yang diwakili Ketua Bahagian Perkhidmatan Akademik UMS Vina Zahriani Yusof berkata UMS juga kini memiliki pelajar antarabangsa dari Jepun, Indonesia, Korea Selatan yang menyertai program berkenaan.

Harun berharap agar pelajar bagi kumpulan ke-30 itu dapat membina hubungan akrab selain mempelajari bahasa dan budaya masyarakat tempatan di negeri ini.

Hadir sama ialah Pengarah Pusat Pendidikan Luar UMS Profesor Dr Arsiah Bahron dan Ketua Perpustakaan UMS Dayang Rukiah Ag Amit.



**RAMLAN** (lima kanan) dan **Vina** (tujuh kanan) merakam gambar kenangan bersama kakitangan UMS, ibu bapa serta pelajar IEPP UMS bagi kumpulan Ke-30, kelmarin.